



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



# UiTM NEWS HUB

Hab Berita Rasmi UiTM



[Home](#) / [2025](#) / [January](#) / UiTM Raih Pengiktirafan dalam Times Higher Education World University Rankings by Subject 2025

GRU2025

22/01/2025 / RANKING UiTM

**THE** World University Rankings 2025 by Subject

**10 Subjects ranked in**  
THE World University Rankings 2025 by Subject

**RANKED 301+ LAW**

One of four universities in Malaysia ranked for the Law subject

|                                                          |                                    |                                                                   |
|----------------------------------------------------------|------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|
| <b>501-600</b><br>Education Studies (formerly Education) | <b>801-1000</b><br>Life Sciences   | <b>1001+</b><br>Physical Sciences                                 |
| <b>601+</b><br>Arts and Humanities                       | <b>801-1000</b><br>Social Sciences | <b>1001+</b><br>Computer Science                                  |
| <b>601-800</b><br>Business and Economics                 | <b>1001-1250</b><br>Engineering    | <b>1001+</b><br>Medical and Health (formerly Clinical and Health) |

UiTM di hatiiku  
أولها تقوى موليا

22 Januari 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah memperoleh pengiktirafan dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject 2025*, menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha mengukuhkan kedudukannya pada peringkat global. *THE World University Rankings by Subject 2025* menilai universiti di seluruh dunia melibatkan 11 bidang subjek utama menggunakan 18 penunjuk prestasi. Penunjuk prestasi ini dikategorikan di bawah lima teras utama iaitu Pengajaran, Persekitaran

UiTM Raih Pengiktirafan dalam Times Higher Education World University Rankings by Subject 2025 – UiTM NewsHub

Penyelidikan, Kualiti Penyelidikan, Industri, dan Pandangan Antarabangsa. Berbeza dengan *QS World University Rankings by Subject*, *THE* memberi tumpuan lebih kepada hasil dan reputasi penyelidikan, selain kualiti penyelidikan serta pendapatan industri, dan yang penting ialah penilaian keberkesanan pemindahan ilmu.

Pada tahun ini, UiTM berjaya meraih kedudukan 301+ bagi subjek Undang-undang, menjadikannya antara hanya empat universiti di Malaysia yang tersenarai dalam subjek tersebut. Pencapaian yang membanggakan ini mencerminkan komitmen UiTM dalam mengukuhkan bidang Undang-undang di peringkat antarabangsa. Melalui penarafan ini, sembilan lagi subjek UiTM tersenarai iaitu Kajian Pendidikan berada dalam kedudukan 501-600, Seni dan Kemanusiaan, 601+, Perniagaan dan Ekonomi, 601-800, Sains Hayat dan Sains Sosial, 801-1000, Kejuruteraan, 1001-1250, manakala Sains Fizikal, Sains Komputer, serta Perubatan dan Kesihatan berada pada kedudukan 1001+. Pencapaian ini menggambarkan usaha berterusan UiTM untuk terus berkembang dan bersaing pada peringkat global, di samping memberikan impak positif dalam pelbagai bidang akademik.



Tags: [GRU2025](#), [Times Higher Education World University Rankings by Subject 2025](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

◀ UiTM Earns Global Recognition in the Times Higher Education World University Rankings by Subject 2025

UiTM Resmi Ambil SMK Saujana Utama Sebagai Anak Angkat Melalui PPKI ▶

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor Darul  
Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress